

# Seminar bantu petani jana pendapatan maju tanah terbiar

**Serdang:** Seramai 200 peserta memanfaatkan Seminar Perladangan Bernilai Tinggi anjuran Persatuan Alumni Universiti Putra Malaysia (PAUPM) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Presiden PAUPM, Datuk Seri DiRaja Syed Razlan Jamalullail, berkata program itu dianjurkan untuk memberi pengetahuan kepada peserta mengenai penghasilan tanaman bernilai tinggi dengan menggunakan tanah terbiar.

Katanya, pendedahan berkenaan penting agar peserta memahami nilai industri pertanian

adalah dengan memaksimumkan tanah pertanian dan aset tanah dengan baik.

"Perkara ini dapat dilakukan menerusi penggunaan teknologi moden, mengatasi kekurangan buruh dan menambah nilai kepada hasil ladang segar yang diproses."

"Pelaksanaannya bukan sahaja selari dengan kehendak program tetapi turut membantu petani menambah dan meningkatkan pendapatan mereka," katanya.

Seminar terbabit dirasmikan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.



Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris

Yang turut hadir, Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris dan Syed Razlan.

## Makanan mencukupi

Selain UPM, PAUPM turut mendapat kerjasama daripada kementerian dan Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM).

Peserta seminar terdiri daripada kakitangan kementerian, Jabatan Pertanian, Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian (MARDI), Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), universiti awam (UA)

dan swasta serta korporat.

Sementara itu, Prof Aini berkata, isu utama pertanian kini adalah untuk menjamin sekuriti makanan kepada penduduk di seluruh negara.

Sejajar dengan hala tuju itu, katanya, usaha yang selari perlu dilaksanakan untuk mengekal dan meningkatkan eksport hasil pertanian.

"Oleh itu, dengan adanya teknologi agro-moden dan keusahawanan, penghasilan makanan yang mencukupi untuk penduduk dunia dapat dilaksanakan dengan baik," katanya.